

# FDI Malaysia terus kukuh ketika dunia berdepan konflik geopolitik



Oleh Prof Madya Dr Bakti Hasan Basri  
bhrencana@bh.com.my

Sudah agak lama Malaysia muncul dalam tajuk berita antarabangsa kerana isu ketidakpastian politik atau masalah tata kelola. Namun dalam diam, keadaan itu kini mula berubah.

Kini, di bawah pentadbiran Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, semakin ramai penganalisis antarabangsa mula melihat Malaysia sebagai *quiet overachiever*, iaitu negara yang mungkin tidak terlalu menonjolkan diri, tetapi sebenarnya sedang mencatat pencapaian ekonomi sangat memberangsangkan.

Penilaian ini bukan datang daripada pihak tempatan semata-mata. Malah, Ahli Ekonomi Kanan ASEAN daripada HSBC, Yun Liu, dalam tulisannya di *Asia Nikkei*

baru-baru ini umpamanya menyifatkan Malaysia kini berada di landasan untuk mencapai lonjakan kedua selepas era perindustrian pesat pada 1980-an dan 1990-an.

Antara petunjuk paling jelas ialah prestasi ringgit. Selepas bertahun-tahun dianggap mata wang yang lemah dan tertekan, ringgit muncul sebagai mata wang terbaik di Asia bagi 2024 dan 2025. Pada penghujung Januari lalu, kadar tukaran ringgit-dolar berjaya melepasi paras psikologi RM4, sesuatu yang sebelum ini dianggap sukar dicapai. Prestasi itu mencerminkan keyakinan pelabur terhadap asas ekonomi negara.

Untuk dua tahun berturut-turut, Malaysia merekodkan pertumbuhan ekonomi melebihi lima peratus, satu pencapaian yang sangat baik bagi sebuah ekonomi sedang membangun yang sudah matang. Dalam keadaan banyak negara bergelut dengan kelemahan pertumbuhan, Malaysia sebaliknya berjaya mengatasi kebanyakan negara serantau.

Namun, persoalan yang lebih penting ialah sama ada momentum ini mampu dikekalkan. Jawapannya kelihatan semakin meyakinkan kerana kekuatan Malaysia hari ini tidak lagi bergantung kepada satu sektor sahaja. Sebaliknya, ia disokong beberapa trend besar yang sedang bergerak serentak.

Yang paling utama ialah perdagangan dan industri semikonduktor. Ketika banyak negara terjejas oleh tarif Amerika Syarikat (AS) dan ketidakpastian perdagangan dunia, Malaysia berjaya mencatat rekod perdagangan tertinggi pada 2025. Faktor utamanya ialah peningkatan permintaan global terhadap cip dan komponen elektronik dipacu ledakan kecerdasan buatan (AI).

Malaysia sebenarnya bukan pemain baharu dalam industri ini. Sejak 1970-an, syarikat teknologi multinasional mula melabur di negara ini, khususnya di Pulau Pinang. Hasilnya, Pulau Pinang kini sering digelar sebagai *Silicon Valley of the East*.

Walaupun Malaysia tidak terlalu dominan dalam cip memori seperti Korea Selatan atau Taiwan, negara ini sangat kuat dalam pengeluaran cip logik, cip pemproses dan pelbagai komponen semikonduktor lain. Hari ini, Malaysia menyumbang sekitar 10 peratus eksport cip pemproses dunia dan 16 peratus eksport cip penguat suara dunia.

Lebih penting, keyakinan pelabur asing terhadap Malaysia juga terus kukuh. Walaupun dunia berdepan ketidakpastian akibat perang perdagangan dan konflik geopolitik, Malaysia masih menjadi antara destinasi utama pelaburan langsung asing (FDI) di Asia Tenggara. Sejak akhir 2021, Malaysia mendahului rantau ini dari segi kelulusan pelaburan asing.

Apa yang lebih meyakinkan ialah lebih 90 peratus

projek pembuatan diluluskan antara 2021 hingga 2024 benar-benar dilaksanakan. Ini menunjukkan Malaysia bukan sekadar berjaya menarik pelabur, tetapi juga mampu memastikan pelaburan itu diterjemahkan kepada kilang, pekerjaan dan peluang ekonomi sebenar.

## Pelancongan pacu ekonomi negara

Selain perdagangan dan pelaburan, satu lagi faktor besar yang sedang memacu ekonomi negara ialah pelancongan. Slogan 'Malaysia Truly Asia' yang suatu ketika dahulu sekadar dianggap kempen promosi kini kembali menjadi realiti.

Pada 2025, Malaysia mengatasi Thailand sebagai destinasi pelancongan paling popular di ASEAN apabila menerima lebih 42 juta pelawat asing. Kejayaan sektor pelancongan dijangka berterusan menerusi kempen Tahun Melawat Malaysia (TMM) 2026. Malah, konflik di Asia Barat yang menyebabkan ramai pelancong menukar destinasi juga boleh memberi kelebihan kepada Malaysia kerana negara ini dilihat lebih selamat, stabil dan mesra pelancong.

“Walaupun dunia berdepan ketidakpastian akibat perang perdagangan dan konflik geopolitik, Malaysia masih menjadi antara destinasi utama pelaburan langsung asing (FDI) di Asia Tenggara. Sejak akhir 2021, Malaysia mendahului rantau ini dari segi kelulusan pelaburan asing”

Namun, kekuatan Malaysia bukan hanya datang dari faktor luar. Sebahagian besar daya tahan negara sebenarnya datang daripada kekuatan domestik.

Pengangguran kini berada pada paras terendah dalam tempoh 11 tahun. Ini bermakna semakin ramai rakyat mempunyai pekerjaan dan pendapatan. Keadaan pasaran buruh yang semakin baik turut membantu meningkatkan perbelanjaan pengguna, sekali gus menggerakkan ekonomi.

Pada masa sama, kerajaan masih mengekalkan subsidi bahan api dan pelbagai bentuk bantuan yang menyebabkan kos sara hidup rakyat tidak meningkat seteruk di negara lain. Rakyat Malaysia masih menikmati antara harga petrol paling murah di dunia.

Pelaburan dalam negara juga terus berkembang pada kadar dua digit. Ini sebahagiannya didorong projek mega infrastruktur serta kemasukan pelaburan besar ke dalam sektor pusat data. Malaysia kini menjadi antara hab pusat data utama di Asia Tenggara, seiring dengan peningkatan permintaan terhadap perkhidmatan digital dan AI.

Bagaimanapun, semua pencapaian ini tidak bermakna Malaysia bebas sepenuhnya daripada risiko. Konflik di Asia Barat, khususnya perang AS dan Israel dengan Iran, boleh memberi kesan besar kepada harga minyak dunia.

Kos subsidi petrol dan diesel kini meningkat dengan sangat mendadak. Sebelum konflik Iran, kerajaan hanya menanggung sekitar RM700 juta sebulan untuk subsidi petrol. Kini jumlah itu dikatakan meningkat sehingga RM4 bilion sebulan. Keadaan ini boleh memberi tekanan kepada kedudukan kewangan kerajaan.

Selain itu, Malaysia juga masih berdepan risiko tarif baharu AS terhadap semikonduktor. Jika perkara itu berlaku, ia mungkin menjejaskan eksport cip dan momentum industri teknologi negara.

Apa yang paling penting ialah Malaysia kini mempunyai sesuatu amat diperlukan dalam dunia penuh ketidakpastian, iaitu daya tahan. Negara mempunyai asas ekonomi lebih kukuh, sektor eksport berkembang, pelaburan meningkat, industri teknologi semakin penting dan sektor pelancongan kembali rancak.



Pencapaian ekonomi Malaysia terus mencatat perkembangan yang baik mengatasi kebanyakan negara serantau.

(Foto hiasan)